

# UPM naib

## johan

## Liga Hoki

## Kuala Lumpur

SELAIN tumpuan kepada bidang pendidikan dan penyelidikan secara berterusan aktiviti sukan turut membantu mengangkat nama Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila pasukannya menangnaib johan Liga Hoki Kuala Lumpur.

Walaupun pasukan Hoki Staf UPM tewas kepada Arab Malaysian Finance pada pu-singan akhir, kedudukan itu memberi ruang selesa kepada mereka ke divisyen satu musim depan.

Pengurus Pasukan UPM, Ahmad Fauzi Tahir, berkata kejayaan itu hasil latihan dan komitmen pemain yang sanggup berlatih mengikut jadual walaupun terikat dengan beban tugas di pejabat.

“Mereka berlatih di bawah bimbingan jurulatih berpengalaman, Buaharah Nordin dan didedahkan dengan aspek teknikal, stamina serta strategi perlawanan,” katanya.

Beliau yang berpengalaman sebagai pengurus selama 10 tahun berkata, pasukan itu terdiri daripada 20 pemain aktif dan mempunyai komitmen tinggi untuk muncul juara.

Bagi memastikan pasukan itu mantap, kelayakan dipilih berdasarkan pengalaman dan kemahiran masing-masing dalam sukan hoki.

Menurutnya, kebanyakannya latar belakang pemain diperolehi daripada Pejabat Pen daftar dan yang menawarkan diri.

Malah, pengalaman beberapa pemain yang pernah mewakili negeri menjadi bonus kepada pasukan itu untuk mencipta kejayaan.

H. Metvo

22/12/03.